

MZJ Word Formatting for Report Writing of EWC661

Tuan Sarifah Aini Syed Ahmad, Nur Hakimah Md Sallehuddin,

Fatin Aliyah Hassan & Nur Amira Nabihah Zainal Abidin

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban

Kemahiran atau literasi digital merupakan salah satu kemahiran yang penting dan menjadi keperluan pada masa kini. Selain daripada membantu meringankan beban tugas dan pengurusan harian, kemahiran digital juga telah berkembang luas dalam arus pendidikan. Wabak Covid - 19 yang melanda satu dunia telah mencetus fenomena baharu dalam pelaksanaan dan pengurusan kehidupan sehari-hari dan turut dirasai dalam dunia pendidikan. Kaedah tradisional seperti pembelajaran secara bersemuka telah berubah kepada kaedah atas talian atau di UiTM dikenali sebagai Online Distance Learning (ODL).

Kaedah pembelajaran ODL yang digunakan di UiTM turut memperkenalkan pembelajaran secara norma baharu yang mengubah aktiviti pengajaran dan pembelajaran kepada kaedah atas talian melalui platform-platform digital seperti Google Meet, Microsoft Teams, Zoom dan sebagainya. Selain daripada kelas secara virtual, tugas, ujian, dan penilaian berterusan juga turut berubah daripada hasil kerja hard copy kepada digital (soft copy). Oleh itu, kemahiran menggunakan aplikasi software seperti Microsoft Word, Power Point, Google Docs dan sebagainya telah menjadi satu keperluan kepada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) khususnya dalam melaksanakan segala kerja dan tugas yang diamanahkan.

Menyedari tentang keperluan kemahiran literasi digital ini, Akademi Pengajian Bahasa Kampus Seremban telah mengadakan Program MZJ Word Formatting For Report Writing Of EWC661 pada 22 Januari 2022 (Sabtu) menggunakan aplikasi Google Meet sebagai platform utama. Program ini merupakan satu inisiatif pihak APB UiTMCNS Kampus Seremban untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pelajar UiTMCNS secara keseluruhannya dalam kemahiran ICT dan mengurus serta menyiapkan tugas-tugas akademik mereka. Penceramah jemputan bagi program ini, Dr. Tuan Sarifah Aini Syed Ahmad, telah berkongsi ilmu pengetahuan dan pelbagai kemahiran literasi digital dalam pengurusan dokumen-dokumen digital.



Sejajar dengan objektif program ini, iaitu untuk menyediakan latihan kemahiran menggunakan Microsoft Office Word kepada para pelajar yang mengambil kursus EWC661: English For Academic Writing serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT para pelajar, perkongsian ini telah membantu serta memudahkan para pelajar untuk menyiapkan tugas-tugas akademik mereka. Di samping itu, penganjuran program ini juga dapat meningkatkan kemahiran serta pengetahuan staff APB UiTMCNS dalam pengurusan program, seterusnya meningkatkan kualiti staf dalam mengurus program-program jabatan pada masa akan datang. Program ini melibatkan seramai 25 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar UiTMCNS dan juga beberapa orang pensyarah APB UiTMCNS Kampus Seremban.

